



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

### **7200 PENDUDUK TERIMA VAKSIN COVID-19 MENERUSI PROGRAM RINTIS VAKSINASI BERGERAK MYMEDIC@WILAYAH**

Bagi mencapai tahap imuniti kelompok pada tempoh yang lebih awal dan merancakkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) di Wilayah Persekutuan, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) meneruskan pelaksanaan Program Rintis Vaksinasi Bergerak MYMedic@Wilayah kepada 7,200 orang di empat (4) Projek Perumahan Rakyat (PPR) MTEN / Perumahan Awam (PA) DBKL. Lokasi yang terlibat ialah PPR Seri Gombak Setia, PA Desa Rejang, PA Seri Johor dan Flat PKNS Sungai Baru yang bermula hari ini hingga 13 Jun 2021.

Program rintis vaksinasi bergerak hari ini, adalah kepada individu yang telah didaftarkan dengan memberi keutamaan kepada warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU). Kesemua mereka telah dijadualkan mengikut slot yang tertera di dalam aplikasi MySejahtera masing-masing. Sebanyak empat (4) unit trak vaksin bergerak MYMedic@Wilayah digunakan dengan setiap satu trak diletakkan di setiap lokasi dengan kapasiti 1,800 dos vaksin. Proses vaksinasi bermula daripada jam 9 pagi hingga 4 petang dijadualkan selama 3 hari, dijalankan dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat. Pergerakan penerima vaksin dikawal selia oleh anggota PDRM, APM, Penguatuasa DBKL, WATANIAH dan RELA bagi memastikan tidak berlaku kesesakan dan mengikut penjarakan fizikal yang ditetapkan.

Pelaksanaan projek rintis vaksinasi bergerak yang telah bermula sejak 7 Jun lalu di PPR Kg. Muhibbah adalah hasil kerjasama strategik KWP bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP). Berdasarkan kepada pelaksanaan rintis ini serta nasihat daripada CITF, pihak kementerian sentiasa mengambil maklum dan memperbaiki SOP termasuk pengurusan penerima vaksin dari masa ke semasa.

Program ini merupakan antara tujuh Inisiatif Wilayah Cakna 5.0 untuk memastikan 80 peratus warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selesai divaksinasikan pada penghujung Ogos 2021. Sasaran keseluruhan program imunisasi kepada semua warga PPR/PA DBKL yang lain di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dijangka selesai keseluruhannya pada Oktober 2021.

Diharapkan matlamat utama program rintis vaksinasi bergerak ini dapat membolehkan warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapat akses untuk vaksinasi Covid-19 dengan lebih pantas dan seterusnya mengekang penularan wabak Covid-19 dalam kalangan komuniti.

**“Perangi Covid-19: Tingkatkan Usaha, Menang Bersama”**

**TAN SRI TPr. HJ ANNUAR MUSA**  
**Menteri Wilayah Persekutuan**  
**11 Jun 2021**